



HQE2 buat pembedahan otak pesakit sedar sepenuhnya

Oleh [Rafiqah Dahali](#) - Januari 15, 2023 @ 5:47pm
bhnews@bh.com.my



Pasukan pakar bedah Hospital Queen Elizabeth (HQE) 2 Universiti Malaysia Sabah (UMS).
- FOTO IHSAN JKNS

KOTA KINABALU: Hospital Queen Elizabeth (HQE) 2 dengan kerjasama Universiti Malaysia Sabah (UMS) berjaya melakukan pembedahan otak pertama di negeri itu dengan pesakit dalam keadaan sedar sepenuhnya.

Pengarah JKNS, Datuk Dr Rose Nani Mudin, berkata pembedahan dikenali sebagai 'awake craniotomy' itu dilakukan selama enam jam dengan pesakit dalam keadaan terjaga.

Beliau berkata, pesakit adalah seorang wanita berusia 50 tahun yang mengalami simptom sakit kepala sejak Oktober tahun lalu dan disahkan menghidap 'multiple meningioma' di kiri otak selepas diagnosis Hospital Duchess of Kent (HDOK) Sandakan.

"Keadaan klinikal dan gejala dialami pesakit semakin teruk sehingga menjelaskan kualiti kehidupannya.

"Justeru, keputusan melakukan pembedahan otak menggunakan teknik 'awake craniotomy' bertujuan merawat dan seterusnya membolehkan pesakit menjalani kehidupan lebih baik," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Dr Rose Nani berkata, pesakit diberi penerangan secara menyeluruh daripada pakar bedah dan pakar bius.

Sepanjang pembedahan, katanya, pesakit dapat mengeja nama dan menyanyikan sebuah lagu ringkas.

"Selepas pembedahan, pesakit hanya mengalami sedikit gejala sakit kepala dan dibenar minum serta makan hidangan lembut keesokannya," katanya.

Beliau berkata, persiapan dan perbincangan rapi untuk pelaksanaan pembedahan terbabit dilakukan antara HQE 2, HDOK dan UMS sejak November tahun lalu.